

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN NO. 249**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci jumlah royalti 5% minyak dan gas yang telah diberikan kepada Kerajaan Sarawak sejak bermula PDA 1974 sehingga 2018 dan apakah keputusan pihak Petronas mengenai pembayaran 5% cukai ke atas minyak dan gas di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula pada tahun 1975 sehingga 2018, jumlah royalti yang telah diperolehi oleh negeri Sarawak adalah sebanyak **RM35.31 billion**.
2. Bagi isu berkaitan pembayaran 5% cukai ke atas minyak dan gas di Sarawak, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dibincang dan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menyemak Perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih.